

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



IMPAK KELUANG MAN!

DATUK ROSYAMNOR

BUKTI USIA BUKAN HALANGAN BAWA WATAK AKSI

Rosyam Nor

Sinonim dengan lakonan filem aksi, Datuk Rosyam Nor membuktikan usia bukanlah penghalang untuk dirinya terus berlakon dalam genre tersebut meski pun usianya hampir mencecah 60 tahun.

Buktinya, Rosyam atau nama sebenarnya Mohamed Nor Shamsuddin, 58, memainkan peranannya dengan begitu hebat sebagai watak Ahmad dalam filem superhero ikonik negara, Keluang Man.

"Keluang Man ini pada ketika itu zaman saya dan saya juga menonton cuma saya tak sangka pula yang Keluang Man itu akan diangkat menjadi sebuah filem yang besar begini.

"Alhamdulillah mungkin apa yang saya selalu perkatakan dalam usia saya begini memerlukan peluang-peluang daripada anak-anak muda.

"Pengarah pengarah muda memberi peluang pada kami untuk kami terjemahkan bakat lakonan dan sudah tentu bila kita bekerja dengan orang baharu sudah pasti yang lama akan nampak baharu," ujarnya.

Filem Keluang Man merupakan terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, Idea River Run dan rakan strategik Wonda Kopi, serta produksi Pasa Productions.

Diarahkan oleh Anwari Ashraf, filem ini menampilkan barisan pelakon antaranya Nas Muammar Zar, Datuk Remy Ishak, Anwaar Beg Moghal, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Halim Othman, Amelia Henderson, Sham Sunder, Dennis Yin dan ramai lagi.

Nantikan tayangan filem Keluang Man di pawagam seluruh negara pada 29 Mei 2025.

Rosyam Berbesar Hati

Berbesar Hati Terlibat Keluang Man

Mengulas mengenai Keluang Man, Rosyam berkata dia berbesar hati apabila ditawarkan untuk berlakon dalam filem hebat ini.

"Kita tengok Keluang Man ini menjadi antara filem yang mana produk produk luar nak bergabung atau berkolaborasi.

"Jadi bila saya ditawarkan untuk menjadi sebahagian dalam barisan pelakon Keluang Man, pada saya itu sudah cukup membanggakan.

"Saya ingin berterima kasih khasnya kepada Astro Shaw, Anwari Ashraf sebagai penulis skrip dan juga pengarah serta kepada mereka yang bersama sama dengan saya untuk membina satu filem besar ini," ujarnya.

Rosyam Kagum Set Penggambaran Keluang Man

Datuk Rosyam Nor melabelkan filem superhero ikonik negara, Keluang Man sebagai antara naskhah terhebat yang pernah dilakukan olehnya.

Menurut Rosyam, bermula dari watak sehinggalah kepada proses pembikinan dan produksi, kesemuanya diambil kira dengan begitu teliti.

Malah Rosyam juga mengakui, set penggambaran Keluang Man yang dibina merupakan antara set paling hebat dalam sejarah pembikinan filem melayu.

"Menjadi sebahagian dalam Keluang Man... Saya rasa inilah filem adiwira pertama yang saya ada di dalamnya.

"Filem ini dibuat oleh generasi yang baharu, pengarah yang baharu, idea yang baharu tetapi diambil daripada naskhah yang lama.

"Kemudian dikembangkan dalam bentuk layar yang besar dan ini menjadi kebanggaan saya dapat bersama-sama dengan mereka.

"Kita tahu bahawa filem ini dibuat begitu teliti dengan bajet yang besar. Keluang Man mempunyai set yang saya rasa antara paling hebat dalam sejarah pembikinan filem melayu.

"Selain itu, Keluang Man juga mempunyai rangkaian pasukan untuk mempromosikan filem ini di seluruh Malaysia," jelasnya.



DMA Islam, Antara Kebodohan & Bijaksana Hanya Dipisahkan Satu Garis Tipis



Minggu ini nama DMA Islam menjadi bualan hangat. Isunya mudah. Budak lelaki yang mengelarkan dirinya sebagai seorang pengengaruh dan conten creator ini mengulas tentang pilihan pendidikan yang dibuat oleh para pelajar.

Budak lelaki dengan nama sebenar Danial Mirza ini mengulas jurusan Mass Communication (Masscomm) dan Teater sebagai paling bodoh di Malaysia.

Antara petikan percakapan yang menjadi tular dan menimbulkan beragam persepsi dan kemarahan terutama dalam kalangan penuntut dan pemegang ijazah Masscomm serta selebriti seperti Dato Aaron Aziz berbunyi;

"Antara course paling bodoh kat Malaysia adalah Masscomm. Tapi itu ok kalau nak dibandingkan dengan course teater, muzik dan tarian tradisional.

"Kalau kau nak belajar menari, kau tak perlu ambil degree. Bodoh betul. Tak payah ambil pinjaman PTPTN. Lebih baik kau pergi kerja dan dapatkan pengalaman yang sebenar.

"Kalau kau budak teater, semua orang tahu kau nak enjoy. Budak teater ni kebanyakan nak enjoy, bukan nak belajar sangat pun."

Sebenarnya budak lelaki atau istilah kegemarannya bocah (keanakan) yang bercita-cita mahu popular dengan jadi conten creator lalu menjada kewangan ini punya agenda setting tersendiri.

Misi DMA Islam yang cuma ada sekitar 26.4 ribu pengikut adalah mencuri perhatian 33 juta rakyat Malaysia — kalau dapat 'secubit' pun sudah jadilah dengan cara penyediaan konten provokasi.

Dan konten jurusan Mass Communication (Masscomm) dan Teater sebagai paling bodoh di Malaysia adalah salah satu umpan yang berjaya — meski sebelum ini budak lelaki tersebut juga banyak melakukan konten-konten yang membuat orang berasa 'sakit hati', pemilihan perkataan tidak sensitif dan isu yang diulas dengan semberono.

Lalu dirinya akan dihujani kecaman. Media massa boleh bercakap tentangnya. Topik yang diusul menjadi tular sekaligus carian tentang dirinya meningkat di enjin pencarian internet.

Memang itu misi dia. Dia mahu terkenal. Dia mahu didengari. Dia mahu diperakui. Dia mahu hidupnya jadi lebih menarik barangkali kerana telah menjalani kehidupan yang sunyi, terpuruk dan tiada apa yang boleh dibanggakan.

Maka budak lelaki ini membina saluran lain. Satu escapism untuk kehidupan dengan rutin 'yang itu itu sahaja'. Dia berjaya membuat pembingkai agenda dengan konten-konten provokasi. Dia peduli apa, yang penting matlamat sampai.

Barangkali penulis juga perlu bersetuju dengan saranan seorang doktor perubatan, Dr. Khairul Hafidz Alkhair Khairul Amin menerusi artikel KosmoKeluaran 22 Januari 2024 yang meminta agar bocah ini membuat pemeriksaan kesihatan mental.

Bukan apa, jika sakit, rawat diri dengan cara yang betul. Jika tidak punya penyakit kronik jadi sahaja manusia normal yang sedar dan berpegang kepada istilah antara kebodohan dan bijaksana hanya dipisahkan satu garis tipis. - MALIAH SURIP

Bercakar, Bercerai Sewaktu Siaran Langsung, Bukan Contoh Baik Media Sosial

Pada era dunia tanpa sempadan dan lebih terbuka, banyak orang yang semakin terlupa bahawa ia bukan lesen besar untuk mempamerkan semua hal termasuk peribadi serta bersifat memalukan.

Namun sebaliknya terjadi. Semakin ramai pengguna media sosial yang meletakkan kewarasan di kelas paling bawah. Apa yang penting adalah konten yang dikongsikan memberi pulangan serta-merta atau faedah jangka panjang.

Sejak beberapa bulan lalu rakyat Malaysia disajikan dengan sinetron percuma yang lebih menarik daripada karya-karya komersial yang telah ditapis 'sana sini' sebagai tontonan di layar lebar.

Di media sosial, 'tinggal jadi followers' atau tunggu sehingga tular, semua boleh diakses percuma tanpa limitasi.

Bergaduh suami isteri. Bergaduh dengan mantan suami atau isteri. Bercakar dan maca-macam lagi, semuanya menjadi konten hangat di media sosial.

Ingatkan pada saat kisah mantan isteri dengan suami dan wanita yang dilabel penyondol sudah menikah dan tamat drama cakar-mencakar sudah tidak ada lagi teladan tidak baik ditunjukkan pempengaruh.

Baru warganet mahu bertenang sedikit, kes baharu pun masuk. Seorang lagi Pempengaruh media sosial dan usahawan, Siti Jamumall, 26, diceraikan buat kali kedua oleh suami, Khairul Aiman Abdul Kudus, 22, sewaktu mereka yang sebelumnya dilihat bertengkar sewaktu sesi siaran langsung.

Siti Jamumall atau nama sebenarnya, Siti Suriani Wahiddin yang hamil kemudian dilihat menangis serta lemah selepas diceraikan Khairul. Ironi pasangan rujuk selepas sempat bercerai kali pertama baru-baru ini. Sungguh, sikap mempamerkan semua perkara terutama hal peribadi sebagai konten patut dihentikan. Ini adalah satu asas hidup atau kata orang putih 'common sense'.

Betul, kita berhak terhadap platform media sosial kita. Jadi apa kita mahu tulis, mahu kongsi, mahu pamer semua adalah hak dan tanggungjawab kita. Tapi jangan dilupakan tentang satu hal bahawa kesan di atas semua perbuatan dan sikap kita akan dirasakan dalam tempoh panjang. Jika ia bukan terhadap diri sendiri, mungkin anak-anak atau keluarga.

Berfikirlah sebelum berkongsi hal peribadi di media sosial. Bergaduh tidak perlu ditayang secara langsung, cemburu pun sama, terlebih mesra pun sama apa lagi sampai tahap bercerai berai. Semua itu, jika ada rasa malu yang tebal, akal yang sihat boleh dilakukan dengan cara yang lebih mulia — tanpa validasi media sosial. - MALIAH SURIP






Pengarah: Christopher McQuarrie
Pelakon: Tom Cruise, Hayley Atwell, Ving Rhames, Simon Pegg, Esai Morales, Pom Klementieff, Henry Czerny, Mariela Garriga, Holt McCallany
Genre: Aksi/Pengembaraan

Dua bulan selepas insiden Orient Express, Ethan Hunt memburu kunci kepada The Entity, entiti kecerdasan buatan yang mengancam dunia.

Selepas kehilangan rakan sepasukan dan ditahan pihak berkuasa, Ethan meloloskan diri dan bersama pasukannya menjejaki The Entity hingga ke Afrika.

Dalam pertempuran akhir, Gabriel ditewaskan, The Entity dimusnahkan dan Ethan dilantik sebagai Setiausaha baharu IMF.



Pengarah: Zach Lipovsky, Adam Stein
Pelakon: Tony Todd, Brec Bassinger
Genre: Thriller

Pada tahun 1968, Iris Campbell menyelamatkan tetamu dari runtuhannya Menara Skyview, mengganggu rancangan Maut.

Lima dekad kemudian, cucunya Stefani mula dihantui mimpi ngeri dan mendapati Maut kini memburu keturunan Iris.

Selepas beberapa kematian tragis dalam keluarganya, Stefani cuba melawan takdir, namun akhirnya dia dan abangnya Charlie maut dalam insiden kereta api, membuktikan tiada siapa dapat melarikan diri daripada Maut.



Pengarah: Prasanth Pandiyaraj
Pelakon: Soori, Aishwarya Lekshmi, Rajkiran, Swasika
Genre: Drama/Keluargaan

Maaman mengupas konflik emosi antara seorang bapa saudara sebelah ibu dan anak saudaranya, menyelami hubungan yang tegang antara mereka serta cabaran-cabaran yang menguji ikatan kekeluargaan tersebut.

Amira Othman, Christy Ng, Sir Badang Ungguli Carta GMW Minggu Ini!

Minggu ini, Gempak Most Wanted menyaksikan Christy Ng masih mengekalkan tempat teratas kategori Digital Creator Trending (Lifestyle) menewaskan Khyerun, Haroqs, Nadiah Razman, dan Nabilah Nazib.

Sementara itu, dunia foodie pula dikuasai oleh Norrisham, yang mendahului senarai, diikuti rapat oleh Darus Lantak, Jason, Isaac Osman dan Sofiaa Marieylla. Bagi kategori entertainment, nama Achik Mael melonjak ke tempat pertama, mengatasi Zuly Ali, The Pretty Mamas, Arwind Kumar dan Ki Misri.

Dalam kategori Motivation & Education, Sir Badang memimpin carta, dengan Spacedollah, Doctor Frank, Zulkifli Ismail dan Ms Marza melengkapkan lima teratas.

Untuk Drama Trending, Honey Minta Maaf kekal di tempat pertama, diikuti oleh Keluarga Itu, Bidaah, Dia Imamku, dan Calon Isteri Buat Suami. Dalam senarai Hos Program Digital Trending, Dina Nadzir berjaya mengekalkan kedudukan teratas, menewaskan Ubai MZ, Zarul Umbrella, Kecik Khaliquekerr dan Zhafvlog.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Digital Creator Trending (Lifestyle)

- No 1: Christy Ng
- No 2: Khyerun
- No 3: Haroqs
- No 4: Nadiah Razman
- No 5: Nabilah Nazib

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)


- No 1: Norrisham
- No 2: Darus Lantak
- No 3: Jason
- No 4: Isaac Osman
- No 5: Sofiaa Marieylla

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

- No 1: Achik Mael
- No 2: Zuly Ali
- No 3: The Pretty Mamas
- No 4: Arwind Kumar
- No 5: Ki Misri

TOP 5 Digital Creator Trending (Motivation & Education)

- No 1: Sir Badang
- No 2: Spacedollah
- No 3: Doctor Frank
- No 4: Zulkifli Ismail
- No 5: Ms Marza



Hiburan Khas Astro Buat Penjawat Awam

Tawaran Terhad

Tawaran Eksklusif untuk Penjawat Awam

Strim hiburan tanpa henti, nilai berbaloi untuk sekeluarga.

ENTERTAINMENT PACK RM 39.99/bulan RM49.99	SPORTS PACK RM 69.99/bulan RM99.99	KOMPLIMENTARI Saluran Kids/24 Bulan
--	---	---

astro one

Tersiluk pada terma dan syarat.

Astro memperkenalkan “Tawaran Eksklusif untuk Penjawat Awam” sebagai tanda penghargaan kepada lebih 1.6 juta penjawat awam di Malaysia dengan menawarkan pek hiburan berbaloi di bawah Astro One.

Tawaran ini meliputi pelbagai kandungan premium tempatan dan antarabangsa, termasuk akses Astro GO, dengan diskaun istimewa iaitu RM39.99 untuk Pek Entertainment (RRP: RM49.99) dan RM69.99 untuk Pek Sports (RRP: RM99.99) yang turut merangkumi kandungan sukan utama dan saluran kanak-kanak percuma.

Pendaftaran boleh dibuat melalui laman web Astro atau WhatsApp, dengan bukti pekerjaan diperlukan.

Raise The Star Malaysia Cari Vokalis Terhebat!



Astro bakal melancarkan program nyanyian baharu, Raise The Star Malaysia, sebuah pertandingan muzik digital pertama menggabungkan lima komposer terkenal iaitu Ajai, Aina Abdul, Shila Amzah, Audi Mok, dan Ikhwan Fatanna sebagai mentor dalam pencarian vokalis baharu.

Seramai 30 peserta terbaik akan dipilih melalui sesi uji bakat fizikal dan dalam talian untuk bertanding selama lapan minggu dan dinilai berdasarkan markah juri dan undian penonton.

Program ini akan mula bersiaran pada 22 Jun 2025 di Astro Ria, Astro GO, sooka dan platform digital lain.

Peserta yang berjaya akan menerima bimbingan langsung daripada komposer dan berpeluang menyanyikan lagu ciptaan mereka.

Full House! Peminat Puas 'Galau' Di Showcase Malam Mendengar Nadin Amizah



Showcase Malam Mendengar Nadin Amizah yang berlangsung di Zepp, Kuala Lumpur pada Jumaat sememangnya memberi kenangan indah buat peminat penyanyi berasal dari Indonesia itu.

Persembahan bermula tepat pukul 8 malam selama satu jam setengah itu dihadiri seramai lebih 2,000 peminat yang berpuas hati menonton secara live nyanyian penyanyi kegemaran mereka.

Nadin memulakan persembahannya dengan menyampaikan lagu Sorai, Semua Aku Dirayakan, Di Akhir Perang, Rumpang, Teralih-Kekal, Bertaut, Rayuan Perempuan Gila dan Hormat Pada Angin.

Kemudian penyanyi yang terkenal dengan gaya 'manja' ketika membuat persembahan itu meneruskan nyanyian dengan lagu yang jarang dinyanyikan iaitu Star.

Bukan itu sahaja, Nadin turut menyampaikan lagu Tawa, Mendarah, Menangis - Dan Selesai, Cermin, Bunga Tidur, Seperti Tulang dan mengakhiri persembahannya dengan lagu Sorak Sorai.

Lebih 2,000 Hadiri Konsert MeleTOP TVS Pertama Di Miri, Dayang Terima Anugerah Khas Borneo

Lebih 2,000 orang masyarakat Miri, Sarawak membanjiri Stadium Bandaraya Miri (Tertutup) untuk menyaksikan Konsert MeleTOP TVS pada Sabtu.

Ini merupakan konsert MeleTop yang pertama dianjurkan di luar Semenanjung Malaysia dengan kerjasama syarikat penyiaran Sarawak, TVS dan mengangkat warisan kebudayaan Borneo sebagai tema.

Lebih menarik, konsert ini juga menyaksikan penyanyi Dayang Nurfaizah menerima Anugerah Khas Borneo sebagai tanda menghargai jasanya yang telah menggapai kejayaan dalam industri muzik dan membawa nama Borneo di pesada arena muzik tempatan hampir tiga dekad.

Penonton yang hadir pada malam tersebut dihiburkan dengan persembahan hebat daripada Dayang Nurfaizah, Hael Husaini, Nadeera Zaini, Mimi Fly, Stacy, Wani Kayrie, Floor 88, Noki dan Dolla. Konsert ini juga menampilkan bakat-bakat Borneo antaranya Sada Borneo, Dion Das, Hairee Francis dan Miss Universe Malaysia 2020, Francisca Luhong.

Konsert MeleTOP TVS dihoskan oleh Nabil Ahmad, Sherry Alhadad, Hawa Rizwana dan juga pengacara TVS Ghazali Zawawi, Cheryl Tog dan Fattah Bolh. Konsert ini berlangsung di Stadium Bandaraya Miri (Tertutup) dan disiarkan secara langsung di TVS (saluran 122) jam 9 malam serta di Astro ONE dan Sooka.





Financial Faiz

@financialfaiz



Simpanan 20 Peratus Termasuk Untuk Anak, Tapi...

Pendidik kewangan, Faiz Azmi menyarankan agar ibu bapa memperuntukkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada pendapatan bulanan untuk tujuan simpanan termasuk simpanan bagi anak-anak.

Bagaimanapun, jelas Faiz duit yang disimpan itu masih lagi menjadi hak ibu bapa dan boleh digunakan sekiranya mempunyai kecemasan.

"Simpanan 20 peratus adalah termasuk untuk anak-anak anda, sebab apa duit yang kita simpan untuk anak-anak itu sebenarnya adalah duit kita juga.

"Just to be clear duit itu memang hak anda selagi tidak diserahkan secara rasmi kepada anak, jadi bila kita cakap pasal saving 20 peratus punya rule tu ya simpanan untuk anak yang datang dari gaji dan niat kita sendiri memanglah termasuk dalam peratusan tersebut.

"Sama juga macam kalau anda jenis yang ambil takaful saving untuk anak-anak sebab dekat luar sana memang ada produk-produk saver dan dalam takaful ini yang bayar premium, yang bayar contribution ini adalah anda jadi jika satu hari nanti anda ada kecemasan atau keperluan lain secara teknikalnya duit itu masih hak anda.

"Anda memang simpan memang untuk anak tapi anda masih boleh dikeluarkan sebagai hak anda sendiri," jelasnya.

Namun, Faiz turut menegaskan bahawa duit raya atau pemberian langsung kepada anak-anak adalah milik mereka dan tidak boleh digunakan sesuka hati oleh ibu bapa.


Sebagai langkah pengurusan kewangan yang bijak, Faiz menyarankan agar ibu bapa menyimpan atau melaburkan duit anak dalam instrumen kewangan yang sah dan patuh syariah seperti Tabung Haji atau Amanah Saham Bumiputera (ASB).

"Untuk duit raya anak-anak yang dia dapat masa raya itu, itu bukan duit anda tapi duit mereka kalau anda ambil dan tak pulangkan itu dah jadi haram.

"Jadi untuk memudahkan anda, simpan atau laburkan sahaja duit itu dekat dalam Tabung Haji atau ASB supaya duit itu berkembang tapi contoh jika anda sangat bagus dalam penyimpanan sehingga akaun sendiri sudah penuh anda boleh buka akaun atas nama anak anda.

"Tapi duit itu masuk duit anda sebab anda yang letak duit itu dalam akaun anak dengan niat untuk masa depan mereka mungkin kegunaan untuk sambung belajar atau tolong mereka untuk mulakan perniagaan nanti," tambahnya.





RM1 Breakfast? Yes, It's Real!

In Klang, Selangor, a man named Fikri is selling over 100 types of breakfast — and each one is only RM1!

From nasi lemak, noodles, kuih, to sandwiches, everything is cheap and tasty. He runs the stall from 6:30am to 10am and it's always packed.

Fikri started this to help people save money, especially during tough times. Now, his stall has gone viral online!



Malaysia Breaks Record With Slim Recycling Machine!

A Malaysian company, Atlas Vending, made the world's thinnest smart recycling machine called ECOPOD — it's only 35cm wide!

You can use it to recycle plastic bottles and cans, and earn points to use at vending machines.

It's now in malls and universities to help people recycle more and protect the environment.

It even got a Guinness World Record!



School Lucky Draw Gives Out Goat & Wheelbarrow!

A school in Kedah surprised everyone with its lucky draw prizes — including a live goat, wheelbarrow, freezer, and even petai!

It happened during a parent-teacher meeting at SK Gulau. The prizes were chosen together with the parents to suit the rural lifestyle.

Videos went viral on TikTok, and many people praised the idea for being fun, useful, and meaningful — especially with Aidiladha coming soon.

Read more at www.rojakdaily.com